

## **BAB IV**

### **Kepentingan Dan Implikasi Kaedah Pembelajaran Koperatif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah**

#### **Pengenalan**

Banyak kajian telah dibuat mengenai kesan penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dalam beberapa mata pelajaran di sekolah seperti Matematik, Bahasa, Sains dan Pengajian Sosial di beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat, Britain, Kanada, Nigeria, Israel, Rusia dan Jerman. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran beberapa mata pelajaran di atas berjaya menghasilkan kesan positif. Kesan positif daripada penggunaan kaedah ini meliputi aspek kemahiran berfikir seperti membuat penyelesaian masalah, kemahiran interpersonal dan komunikasi, peningkatan prestasi akademik, hubungan antara etnik yang positif, meningkatkan motivasi dan penghargaan kendiri pelajar, minat terhadap mata pelajaran dan suka kepada sekolah (Sharan et. al. 1984).

Walaupun begitu, untuk mendapatkan kesan positif penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi mata pelajaran Sejarah, beberapa syarat harus dipenuhi. Syarat tersebut ialah sesebuah

kumpulan kecil pembelajaran itu harus mempunyai matlamat kumpulan yang sama untuk dicapai dan adanya tanggungjawab setiap individu, (Slavin 1983; Johnson et.al. 1981 dan Davidson 1985). Slavin (1989), membuat kesimpulan daripada kajian meta analisisnya mengenai kesan pembelajaran koperatif iaitu;

*"Co-operative learning can be an effective ... but only if group goals and individual accountability are incorporated in the cooperative method"* (hal. 55)

Manakala Johnson dan Johnson (1989/1990), (1987) dan Johnson et. al (1988) berpendapat, kesan positif kaedah pembelajaran akan wujud apabila adanya elemen-elemen utama kaedah pembelajaran koperatif. Elemen-elemen tersebut ialah saling bergantung secara positif, interaksi secara bersemuka, tanggungjawab setiap individu, kemahiran sosial dan proses dalam kumpulan. Kesimpulannya, pelbagai kesan positif pembelajaran koperatif akan dapat dilihat apabila elemen-elemen asas pembelajaran koperatif diwujudkan dalam dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya mata pelajaran Sejarah.

#### **4.1. Kemahiran berkomunikasi pelajar dan keceriaan bilik darjah melalui pengaplikasian kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah.**


Menurut Wan Zahid (1995), reformasi pendidikan perlu diadakan, supaya pelajar boleh memonopoli pembelajaran di bilik darjah. Ini akan memberi peluang kepada pelajar belajar berfikir, berbincang, berhujah dan melakukan ujikaji. Menurut beliau, pendekatan seperti ini boleh menghasilkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan pelajar dan sekaligus boleh meningkatkan pencapaian

pelajar. Situasi seperti ini boleh dilaksanakan melalui pembelajaran koperatif. Ini jelas daripada petikan kata-kata beliau iaitu;

“Oleh sebab masyarakat lebih banyak memperlihatkan hubungan sesama manusia, anak didik perlu dilatih bagaimana berhubung, berinteraksi dan berkerjasama dengan anak didik lain yang mungkin berbeda dari segi latarbelakang sosial, budaya dan kaum. Perkaedahan yang dapat memajukan kemahiran interpersonal adalah pembelajaran kerjasama, ‘*peer tutoring*’, kumpulan menyelesai masalah” (Ucap Utama I: Seminar Kebangsaan Kurikulum 11-13 Disember 1995)

Pada masa kini kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah lebih berpusatkan guru. Ini menyebabkan kurangnya interaksi antara pelajar dengan guru dan pelajar dengan pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran. Pendek kata amat sedikit komunikasi wujud dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Situasi pembelajaran seperti ini jauh berbeza dengan kaedah pembelajaran koperatif yang mementingkan komunikasi dan bekerja dalam kumpulan semasa pengajaran dan pembelajaran. Bentuk komunikasi pelajar ini digambarkan dalam rajah 3 (lihat rajah 3). Interaksi dalam kelompok dan antara kelompok ini akan menghasilkan pelbagai kelebihan.

Antara kelebihan perbincangan kelompok ialah penyebaran ilmu dapat dilakukan melalui perbincangan dan pertukaran pendapat di kalangan ahli kelompok dan juga antara kelompok. Selain itu, menurut Shaw (1981), penyelesaian masalah secara berkelompok juga adalah lebih baik. Ini sesuai



- Komunikasi interpersonal dan intrapersonal sewaktu pembelajaran dalam pengaplikasi pembelajaran koperatif
- Kemungkinan pelbagai gangguan sewaktu pembelajaran koperatif jika guru mengawasi aktiviti kumpulan

Rajah 3

Komunikasi pelbagai hala melalui perbincangan dalam kumpulan dan antara kumpulan

seperti yang dinyatakan Johnson dan Johnson (1991), bahawa ‘dua kepala lebih baik daripada satu kepala’ sewaktu mencari penyelesaian sesuatu permasalahan.

Di samping itu, komunikasi pelbagai hala ini akan meningkatkan dan memperkuuh kemahiran berbahasa para pelajar. Menurut Jasbir (1985), beberapa kemahiran walaupun tidak istimewa bagi mata pelajaran tertentu tetapi amat penting dari segi hasil pembelajaran Sejarah, khasnya apabila pelajar berkomunikasi sewaktu membentangkan hasil siasatan daripada projek sejarah. Antara kemahiran tersebut ialah kebolehan menceritakan peristiwa-peristiwa secara teratur dan logik, menggambarkan sesuatu peristiwa secara lisan ataupun tulisan dan mengemukakan hujah secara logik tentang sesuatu situasi Sejarah. Ini sesuai dengan penekanan yang seharusnya diberi dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah KBSM .

Penggunaan kaedah pembelajaran koperatif juga dapat meningkatkan motivasi kepada semua ahli dalam kumpulan dan menggalakkan pencetusan idea secara terbuka dan spontan. Pendedahan seperti ini dapat melatih individu lebih peka terhadap persekitaran kumpulan dan membuat pertimbangan, penilaian idea dan seumpamanya. Situasi seperti ini akan berlaku dengan teratur apabila kaedah pembelajaran koperatif digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, ia merupakan satu perkara yang sangat digalakkan dalam pembelajaran dan amalan hidup serta menggalakkan minda pelajar berfikir secara

kreatif dan kritis, (Shawaluddin, 1995). Ini selari dengan matlamat dan objektif pembelajaran khususnya bagi mata pelajaran Sejarah

Oleh sebab kejayaan kumpulan dan ganjaran kumpulan adalah tanggungjawab bersama sudah tentu setiap ahli dalam kumpulan pembelajaran akan saling membantu. Ini bererti pelajar yang pandai akan membantu pelajar yang lemah dan pelajar yang lemah pula akan rasa bertanggungjawab untuk memastikan kejayaan kumpulan. Hasilnya, sudah pasti akan wujud pembelajaran yang lebih seronok dan ceria sekiranya diaplikasikan dalam mata pelajaran Sejarah. Suasana begini akan dapat mengikis perspektif negatif terhadap Sejarah jika diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajarannya di bilik darjah.

#### **4.2. Meningkatkan kemahiran berfikir melalui pengaplikasian kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah**

Salah satu objektif yang ingin dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah ialah mengembangkan kemahiran berfikir pelajar. Antara kemahiran berfikir yang diinginkan dalam pembelajaran Sejarah ialah kemahiran menganalisis, mensintesis, menyelesaikan masalah, menilai fakta-fakta sejarah secara rasional dan kritis, merumus, menilai dan sebagainya. Ini sesuai dengan kaedah pembelajaran yang terdapat dalam pembelajaran koperatif. Sebagai contoh, penggunaan kaedah kumpulan penyiasatan (*group investigation*), dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

Jika kaedah ini dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah, para pelajar bukan saja perlu berbincang dan merancang serta membuat penyelidikan tugas yang diberikan tetapi juga melibatkan aspek-aspek lain seperti mengenal pasti masalah, membentuk hipotesis, menganalisis, mensintesis, menilai dan menyusun hasil dapatan dan merumus. John Dewey berpendapat aktiviti pembelajaran seperti ini akan dapat mengembangkan pemikiran kritis dan reflektif pelajar, (Rahil et. al. 1995; Crow dan Crow 1980). Menurut Crow dan Crow, lagi penggunaan pemikiran reflektif lebih nyata dengan bentuknya yang lebih tertentu apabila pelajar membuat penyelesaian masalah, mentakrif masalah, menganalisis situasi, membentuk hipotesis tertentu dan mengingat kembali peraturan atau prinsip umum yang boleh digunakan, membuat pertimbangan atau kesimpulan berperaturan dalam memilih dan menolak cadangan.

Melalui kaedah kumpulan penyiasatan juga, pelajar dikehendaki membentangkan hasil kerja kumpulan mereka di akhir pengajaran. Pembentangan hasil kerja kumpulan ini dapat melatih pelajar berkomunikasi kerana mereka terpaksa berhujah, mempertahankan fakta serta mewujudkan suasana demokrasi dalam pembelajaran. Suasana pembelajaran seperti ini juga dapat membentuk rasa yakin terhadap diri sendiri oleh para pelajar, (Skolnik, Langbort dan Day (1985). Webb (1989) pula, mendapati kumpulan kecil mendorong pembentukan kemahiran asas serta konsep. Ini merupakan hasil yang sepatutnya ditunjukkan oleh pelajar apabila mempelajari Sejarah.

Vygotsky (1962), yang melihat pembelajaran koperatif dari sudut perkembangan kognitif mengatakan, bahawa tidak kira dalam apa subjek pun, kerjasama adalah asas pembelajaran dan peningkatan. Azizah dan Nor Hayati (1995), juga mempunyai pendapat yang sama. Menurut mereka pemupukan individu kritis lebih mudah tercapai jika beliau mempunyai rakan-rakan yang dapat berkongsi dalam keadaan senang dan susah. Bekerja dalam kumpulan yang mempunyai objektif dan budaya kerja yang sama pasti dapat meningkatkan motivasi dan hasil kerja. Kesemua aktiviti pembelajaran ini akan meningkatkan kemahiran berfikir sama ada sewaktu memenuhi tanggungjawab individu seperti melalui lembaran kerja ataupun atas tujuan kejayaan bersama.

#### **4.3. Meningkatkan motivasi pelajar melalui pengaplikasian kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah**

Terdapat banyak bukti kajian yang menunjukkan kaedah pembelajaran koperatif meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran. Hal ini tidak wujud dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang menggunakan kaedah tradisional. Dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional, motivasi diri pelajar tidak diberi perhatian, yang penting dalam kaedah itu ialah menyampaikan sebanyak mungkin fakta. Bermotivasi atau tidak pelajar adalah tanggungjawab diri masing-masing bahkan kaedah yang digunakan oleh guru mematikan semangat dan motivasi pelajar, (Rohana 1986). Menurut beliau, antara punca keadaan ini ialah, pengajaran guru yang tidak melibatkan pelajar secara aktif

dalam pembelajaran sama ada di bilik darjah atau pun luar bilik darjah dan terikat kepada buku teks .

Dalam kaedah pembelajaran koperatif ini, motivasi pelajar wujud melalui kerjasama untuk mencapai kejayaan dan ganjaran bersama. Kejayaan dan ganjaran yang ingin dicapai mendorong seseorang itu saling bergantung dan membantu pelajar dalam kumpulannya. Kajian Sharan dan Hert-Lazarowitz (1980), mendapati semangat kerjasama akan meningkatkan semangat belajar. Begitu juga sikap berlumba-lumba untuk mendapatkan ganjaran akan meningkatkan semangat kumpulan. Ini jelas seperti yang dinyatakan oleh Rohana (1986), iaitu penghargaan adalah penting untuk mengekalkan minat pelajar terhadap kegiatan yang dijalankan dalam pelajaran Sejarah. Menurut Rahil et. al. (1995), individu akan berasa seronok untuk belajar sekiranya ia mendapat kepuasan kerana kepuasan ini berkait rapat dengan peneguhan.

Slavin (1983) dan Johnson dan Johnson (1985) di Amerika Syarikat, mendapati pembelajaran koperatif dapat meningkatkan pencapaian yang lebih tinggi, membantu meningkatkan penghargaan kendiri dan membentuk daya tarikan interpersonal yang lebih baik serta hubungan yang lebih positif antara pelajar tanpa mengira jantina, bangsa dan ugama. Begitu juga kajian oleh (Slavin in Press 1989, 1990) yang menyatakan, bahawa kaedah pembelajaran koperatif meningkatkan penghargaan kendiri, suka kepada sekolah, mata pelajaran yang

diajar, masa bekerja (*time on task*) dan hadir ke sekolah. Ini menunjukkan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah akan menarik dan diminati jika kaedah pembelajaran koperatif ini dapat diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

#### **4.4. Menyemai semangat perpaduan kaum dan pemupukan nilai-nilai murni melalui kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah**

Satu aspek penting yang diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di Malaysia khususnya ialah menanamkan semangat perpaduan kaum dan pemupukan nilai-nilai murni selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Interaksi yang berlaku dalam kumpulan dan antara kumpulan sewaktu pembelajaran Sejarah akan membantu hasrat ini tercapai. Kajian yang dilakukan oleh Deutch (1962); Johnson (1974) dalam Johnson & Johnson (1989), menyatakan bahawa kepercayaan terbina melalui interaksi kerjasama dalam pembelajaran koperatif dan sebaliknya sikap ini akan musnah melalui interaksi persaingan.

Slavin (1985) dan Johnson et . al. (1983), mendapati bahawa pelajar yang berbeza ras dan etnik jika berkerjasama ke arah matlamat bersama akan cenderung untuk menghormati antara satu dengan lain . Ini diakui oleh Madden dan Slavin (1983), yang mendapati bahawa kaedah pembelajaran koperatif dapat

meningkatkan hubungan persahabatan secara umum. Dunn dan Bennet (1990), juga mengakui bahawa kerjasama kumpulan akan memupuk ahli kumpulan untuk bekerjasama, berkomunikasi, bertolak ansur dan menghormati orang lain.

Hal ini amat penting dalam konteks Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk. Di sekolah pula, terdapat pelbagai kaum yang cuba disatukan melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan. Dengan itu wajar sekali kaedah pembelajaran koperatif menjadi pilihan utama guru dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya Sejarah. Ini kerana kaedah ini dapat membentuk dan membajai semangat kewarganegaraan. Apa lagi pendidikan Sejarah itu sendiri sangat menitikberatkan nilai kewarganegaraan, berbangga menjadi rakyat Malaysia, bersemangat setia negara, semangat kekitaan, berdisiplin, berusaha dan produktif. Hasil kerjasama itu, akan lahir baik sangka antara kaum, mengenali budaya antara kaum, semangat perpaduan serta menginginkan kemajuan dan kemakmuran negara. Pendek kata ‘kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebung’.

Che Maimunah (1995), juga menyatakan terdapat pelbagai kesan positif daripada pengaplikasian kaedah pembelajaran koperatif di bilik darjah. Kesankesan positif boleh diringkaskan seperti berikut;

1. Mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik, secara tidak langsung membantu mengurangkan kes ponteng sekolah.

2. Meningkatkan pembelajaran dan pencapaian pelajar dan skor kumpulan.
3. Meningkatkan motivasi pelajar.
4. Meningkatkan pemikiran kritis pelajar.
5. Mewujudkan suasana demokrasi dalam bilik darjah-pelajar bebas mengeluarkan pendapat dan menerima pendapat orang lain.
6. Guru dan pelajar bertukar maklumat.
7. Mencapai matlamat KBSM iaitu guru 30 % dan murid 70 %.
8. Menerapkan secara positif pengaruh rakan sebaya.
9. Memupuk kepercayaan sesama pelajar.
10. Mengurangkan jurang perbezaan antara pelajar dan guru serta pelajar dan pelajar.
11. Mengikis rasa rendah diri pelajar yang lemah kerana mereka turut dihargai.

Perbincangan di atas memperlihatkan kaedah pembelajaran koperatif meninggalkan kesan positif pada para pelajar dan ia menepati hasrat pendidikan seumur hidup. Selain itu, kaedah pembelajaran koperatif dapat digunakan untuk memupuk nilai moral yang terdapat dalam pendidikan Sejarah kepada pelajar. Menurut Abd. Rahim (1997), mata pelajaran Sejarah di sekolah boleh dijadikan asas penting pendidikan moral. Pada pendapat beliau, Sejarah perlu diorientasikan kepada pengalaman dan persoalan moral melalui orientasi nilai moral, pemikiran

moral, taakulan moral, pertimbangan moral, perbincangan isu moral, pendekatan dilema moral dan prinsip kemoralan. Pemupukan nilai moral ini boleh dilakukan dengan melibatkan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran secara aktif. Ini boleh dilakukan dengan menggunakan pelbagai kaedah yang terdapat dalam pembelajaran koperatif.

Berdasarkan teori perkembangan moral Piaget, kanak-kanak harus diberi peluang untuk berinteraksi sesama mereka dalam isu moral supaya mereka mendapat pengetahuan moral secara mutlak (Sufean, 1995). Manakala menurut Kohlberg, pemupukan moral kanak-kanak akan berlaku sekiranya kanak-kanak didehadkan dengan dilema-dilema moral (Abdul Rahman, 1986). Oleh itu, teknik-teknik seperti kumpulan penyiasatan, kerja projek, *jigsaw*, belajar bersama ('*learner together*') dan simulasi dalam pembelajaran koperatif boleh digunakan sebagai alat untuk memupuk nilai moral kanak-kanak umumnya. Apa yang penting, guru perlu terlebih dahulu memahami isu-isu moral dalam Sejarah supaya boleh diaplikasikan melalui kaedah pembelajaran koperatif. Tetapi sekiranya guru menggunakan pendekatan pengajaran yang bercorak 'khutbah' yang berorientasikan guru, sudah tentu ia bukan satu cara yang baik bagi melibatkan pelajar secara aktif dalam sesuatu pembelajaran nilai (Abd. Rahim, 1997).

#### 4.5. Meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah melalui kaedah pembelajaran koperatif

Kelemahan guru menggunakan kaedah pengajaran boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Ini kerana pencapaian pelajar itu amat berkait rapat dengan motivasi dan minat pelajar terhadap mata pelajaran itu. Dalam konteks mata pelajaran Sejarah jelas wujud perspektif negatif terhadapnya. Hal ini mempengaruhi pencapaian pelajar. Oleh itu, jika guru hendak meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah, sewajarnya mereka mengubah teknik pengajaran dari kaedah tradisional kepada kaedah yang boleh meningkatkan minat dan motivasi pelajar dalam pembelajaran. Dalam hal ini, kaedah yang terbaik untuk mencapai tujuan ini ialah menggunakan kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

Kebanyakan para pengkaji kaedah ini juga bersetuju bahawa kaedah pembelajaran koperatif dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Antara kajian tersebut ialah kajian mengenai penggunaan kaedah pembelajaran koperatif terhadap para pelajar yang berpencapaian rendah juga telah dilakukan oleh William dan Ronald (1984). Dalam eksperimen beliau, kaedah Pembelajaran Berpasukan (*Team Learning*) telah diaplikasikan dalam pembelajaran pelajar-pelajar Grade 9 yang mengambil subjek Geografi Dunia. Dapatkan penyelidikannya menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam pencapaian tetapi tidak dalam konsep kendiri.

Manakala Slavin (1983, 1989); Johnson et al (1981) dan Thompson (1987), telah membuat kajian tentang kesan pembelajaran koperatif di sekolah rendah dan di sekolah menengah, manakala Davidson (1985) telah mengkaji pembelajaran koperatif dalam pengajaran mata pelajaran Matematik. Hasil daripada kajian yang telah dibuat, Slavin (1989) merumuskan bahawa pembelajaran koperatif membantu mempertingkat pencapaian pelajar. De Vries, Edward dan Well (1974), juga telah menjalankan kajian selama 12 minggu mengenai keberkesanan kaedah ini dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar. Dapatannya menunjukkan bahawa pelajar *grade 10-12* di kawasan pinggir bandar menunjukkan pencapaian yang sangat tinggi tentang pemahaman mereka terhadap mata pelajaran Sejarah Amerika iaitu pada ukuran statistik ES 29 berbanding sebelumnya.

Dalam kajian lain yang dibuat oleh Johnson dan Johnson (1991), beliau telah membuat analisis daripada 352 sampel kajian tentang pembelajaran koperatif. Hasil daripada kajian tersebut, beliau mendapati purata pencapaian pelajar yang menggunakan kaedah pembelajaran koperatif adalah meningkat dan melebihi pencapaian pelajar yang menggunakan kaedah bukan koperatif. Selain itu, terdapat juga kajian yang dilakukan tentang penggunaan sepenuhnya (*pure*) kaedah pembelajaran koperatif dan mencampuradukkan (*mixed*) kaedah pembelajaran koperatif dengan kaedah lama (*individual or competitive*).

Kajian seperti ini telah dilakukan oleh Aronson (1978) iaitu menggabungkan *jigsaw* (kaedah pembelajaran koperatif) dengan pembelajaran secara individu. Kajian De Vries dan Edward (1974), yang menggabungkan Bahagian-Pencapaian Pasukan Pelajar (kaedah pembelajaran koperatif) dengan pembelajaran secara persaingan (*competitive*). Hasil keputusan daripada semua kajian tersebut menunjukkan penggunaan sepenuhnya (*pure*) kaedah pembelajaran koperatif telah menghasilkan pencapaian yang tinggi di kalangan para pelajar berbanding kaedah-kaedah lain.

Walaupun banyak penyelidik mendapati kaedah pembelajaran koperatif meninggalkan kesan positif dalam pembelajaran pelajar, terdapat juga beberapa penyelidikan mengenainya yang kontroversi. Antaranya penyelidikan ialah Davidson (1985). Beliau menimbulkan soalan sama ada matlamat kumpulan dan tanggungjawab individu penting di peringkat kolej. Ini kerana terdapat bukti kedua-duanya tidak penting. Begitu juga Newman dan Thompson (1997), menyatakan sama ada kaedah pembelajaran koperatif ini berkesan untuk peringkat sekolah tinggi (Grade 10–Grade 12) kerana terdapat bukti cukup yang menunjukkan bahawa kaedah ini sesuai untuk Grade 2 hingga Grade 9 secara relatif. Beliau mencadangkan agar lebih penyelidikan mengenainya perlu dibuat. Stipek (1986) pula, menimbulkan persoalan bagaimana hendak mengekalkan tingkah laku bekerjasama dengan menggunakan unsur insentif luaran dalam jangkamasa yang lebih panjang.

#### 4.6. Rumusan

Daripada perbincangan di atas, jelas memperlihatkan bahawa kaedah pembelajaran koperatif boleh menghasilkan kesan positif jika digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kaedah ini berstruktur dan mudah diaplikasikan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran yang diajarnya. Satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh guru untuk mendapatkan hasil yang positif daripada penggunaan kaedah ini ialah mewujudkan elemen-elemen asas kaedah pembelajaran pembelajaran koperatif ini.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Sejarah KBSM, penggunaan kaedah ini dalam pengajaran dan pembelajarannya akan memudahkan tercapainya matlamat pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu juga, penggunaan kaedah ini turut membantu pelajar mengembangkan potensi dirinya sama ada secara disedari ataupun tidak. Pengaplikasian kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah akan menjadikan suasana pembelajaran Sejarah lebih menarik, aktif dan menyeronokkan pelajar.

Berdasarkan bukti daripada tinjauan literatur di atas jelas menunjukkan bahawa penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran seperti Sejarah akan dapat meningkatkan

pelbagai kemahiran, pengetahuan dan menerapkan nilai-nilai murni kepada para pelajar tanpa dibuat-buat atau disengajakan. Oleh itu para guru khasnya guru-guru Sejarah seharusnya meningkatkan kefahaman mengenai kaedah ini supaya ia boleh diaplikasikan kepada para pelajar sewaktu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah di bilik darjah.